

## *BAB 3*

*JEMAAH ULAMA  
MAJLIS AGAMA ISLAM  
DAN ADAT ISTIADAT  
MELAYU KELANTAN*

## **Pendahuluan**

Di dalam bab yang lepas, penulis telah menyebut secara ringkas tentang badan-badan yang menjalankan ijtihad *jamā'ī* masa kini samada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Dalam bab ini, penulis cuba untuk mengetengahkan salah satu badan tersebut sebagai bahan kajian penulis iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan atau lebih dikenali dengan nama Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Bagi membincangkan perkara ini, terlebih dahulu perlu dijelaskan beberapa perkara yang mempunyai kaitan dengannya iaitu sejarah pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Kelantan dan juga sejarah penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Ini kerana urusan mengeluarkan fatwa termasuk di bawah pentadbiran hal-ehwal agama Islam dan penubuhan Majlis Agama pula dilihat menjadi titik tolak kepada penubuhan Jemaah Ulama selepas daripada itu.

### **3.1 Sejarah Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Di Kelantan**

Bagi melihat sejarah pentadbiran agama Islam di Kelantan, penulis telah meneliti beberapa buah buku yang berkaitan dengan sejarah negeri Kelantan bagi melihat bilakah bermulanya pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Kelantan dan perkembangannya sehinggalah tertubuhnya Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (sebagai sebuah organisasi yang teratur dan tersusun dalam mengurus dan mentadbir hal-ehwal agama Islam) dan Jemaah Ulama Kelantan secara lebih khusus.

Hasil dari penelitian tersebut penulis membuat kesimpulan bahawa kemasukan Islam ke Kelantan sudah tentu menjadi titik tolak kepada permulaan pentadbiran

hal ehwal agama Islam di negeri ini. Ada pendapat yang mengatakan tarikh kemasukan Islam ke Kelantan tidak dapat dipastikan dengan tepat.<sup>1</sup> Namun ada juga berpendapat Islam sudah bertapak di Kelantan pada pertengahan abad yang ke 12 (1150 M) di mana seorang syaykh dari Pattani datang ke Kelantan membawa agama Islam. Sebelum itu Raja Kelantan dipercayai beragama Hindu.<sup>2</sup> Penemuan wang dinar di Kota Kubang Labu yang tertulis perkataan " الجلوس ٥٧٧ كلنتن " dan di sebelahnya pula tertulis perkataan " المتوكل " <sup>3</sup> mungkin boleh dijadikan bukti bagi menyokong kenyataan tersebut. Ini kerana tulisan الجلوس كلنتن itu ialah perkataan Arab yang bermaksud kerajaan Kelantan dan tulisan ٥٧٧ itu pula ialah angka-angka Arab yang bermaksud tahun 577 *hijriyyah* bersamaan dengan tahun 1181 M, kira-kira 30 tahun kemudian. Ini menunjukkan bahawa agama Islam telah pun mempengaruhi pentadbiran kerajaan Kelantan pada masa itu.<sup>4</sup>

Penulis melihat walaupun pada masa tersebut Islam sudah mempengaruhi pentadbiran kerajaan Kelantan, tetapi pentadbiran hal ehwal agama Islam yang tersusun dan teratur belum lagi wujud kerana tidak terdapat catatan sejarah yang menunjukkan demikian. Hal ini berkemungkinan kerana suasana pentadbiran pada masa itu belum lagi memerlukan perkara demikian. Kalaupun wujud hanyalah

---

<sup>1</sup> Othman Hj. Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 51.

<sup>2</sup> Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press. h. 27-28.

<sup>3</sup> *Ibid*, h. 28; Husain Khal'ie (1970), *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*, Kota Bharu : Syarikat Dian Sdn. Bhd. h. 7.

<sup>4</sup> Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *op.cit*.

individu-individu tertentu yang diamanahkan menjalankan tugas-tugas agama tanpa diberi gelaran khusus kepada mereka.

Tiada catatan sejarah yang jelas pada tahun berapakah bermulanya pentadbiran hal ehwal Islam yang agak tersusun dan teratur. Dengan lain perkataan bilakah jawatan-jawatan yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam seperti mufti, kadi, pegawai agama, imam dan sebagainya serta bidang-bidang tugas yang dikhususkan kepada mereka mula diwujudkan.

Ada kemungkinan idea-idea pentadbiran yang lebih tersusun datangnya dari Kerajaan Melaka yang telah menakluk Kelantan pada 1477M. Melaka pada masa itu di bawah pimpinan Sultan Mahmud Shah<sup>5</sup> telahpun mempunyai sistem pentadbiran yang agak tersusun rapi. Jawatan kadi telahpun diwujudkan bagi menjalankan undang-undang Islam di Melaka. Namun demikian, mengikut Muhammad Yusof Hashim tidak ada bukti jelas yang menunjukkan wujudnya institusi syariah di Melaka pada masa itu bagi mengendalikan hal ehwal agama Islam seperti hari ini.<sup>6</sup>

Daripada catatan sejarah yang didapati, Kerajaan Kelantan pernah melantik Syeikh Abdul Halim,<sup>7</sup> seorang yang berpengetahuan luas dalam agama menjadi

---

<sup>5</sup> *Ibid*, h. 33; Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1996), *Sejarah Islam*, c. 6. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 641.

<sup>6</sup> Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1996), *ibid*, h. 645.

<sup>7</sup> Beliau dikatakan orang yang paling awal menyampaikan pendidikan Islam di Kelantan pada akhir abad ke 18. Lihat Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Khoo Khay Kim (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 1-2.

penasihat kepada Sultan Muhamad 1.<sup>8</sup> Daripada nasihat beliau kepada Sultan, banyak masjid dan surau telah didirikan.<sup>9</sup>

Hal ini sudah tentu akan menyebabkan wujudnya individu-individu tertentu yang dilantik sebagai imam, khatib dan sebagainya. Ini menunjukkan walaupun pada masa tersebut tidak terdapat satu organisasi yang khusus bagi mentadbir hal-hwal agama tetapi beberapa individu tertentu telah diberi tugas tertentu untuk menjalankan aktiviti keagamaan. Sultan pula dilihat sebagai individu yang mempunyai kuasa penuh dan bertanggungjawab dalam menguruskan perkara-perkara tersebut.

Ini dapat dilihat pada sekitar tahun 1800M apabila jawatan Imam Mukim sudah pun wujud di negeri Kelantan. Antara tokoh yang pernah memegang jawatan ini ialah Faqih Hj. Abdullah yang memegang peranan sebagai Imam Mukim di Kampung Bukit, Pulau Condong.<sup>10</sup> Selepas kematiannya jawatan tersebut diambil alih pula oleh anaknya iaitu Hj. Abdul Samad yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Pulau Condong.<sup>11</sup>

Begitu juga dengan jawatan imam surau juga sudah diwujudkan pada masa tersebut. Dua orang anak Hj. Abdul Samad didapati pernah memegang jawatan

---

<sup>8</sup> Nama sebenar baginda ialah Long Muhamad, putera sulung Long Yunus. Baginda memerintah Kelantan pada tahun 1800M-1835M. Lihat Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *op.cit.* h. 69-70.

<sup>9</sup> Abdul Halim Ahmad (1982), *op.cit.* h. 2-3.

<sup>10</sup> Ismail Che Daud (2001), "Tok Pulau Condong (1792-1873)", dalam Ismail Che Daud (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 69.

<sup>11</sup> *Ibid.* h. 71.

ini. Mereka ialah Hj. Umar yang menjadi Imam Surau Kerawang dan Hj. Muhammad Arshad yang menjadi Imam Surau Pulau Condong.<sup>12</sup>

Manakala jawatan kadi pula, kewujudannya dapat dilihat semenjak tahun 1837-1838 lagi, sebagaimana yang diceritakan oleh Munshi Abdullah semasa kedatangannya ke Kelantan di sekitar tahun tersebut.<sup>13</sup> Ini boleh dilihat pada kata-kata Tengku Temena kepada Munshi Abdullah semasa beliau (Munshi Abdullah) berada di Kelantan : "Tuan ini terlalu pandai membaca khutbah, baiklah tuan diam di sini supaya boleh sahaya jadikan kadi dan khatib."<sup>14</sup>

Daripada kata-kata Tengku Temena ini, jelas sekali jawatan kadi telahpun diwujudkan oleh pemerintah Kelantan pada masa itu bagi menjalankan tugas berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam. Walaubagaimanapun, kemungkinan jawatan tersebut diwujudkan lebih awal dari tarikh tersebut tidak boleh dinafikan.

Situasi ini bersamaan dengan apa yang berlaku di zaman pemerintahan Sultan Muhammad kedua yang memerintah Kelantan dari tahun 1838M hingga 1886M, di mana satu Jemaah menteri keadilan dan kehakiman sudah pun diwujudkan.<sup>15</sup> Pada zaman tersebut baginda telah mengisytiharkan pemerintahan yang berdasarkan al-Quran dan Hadith<sup>16</sup>. Jemaah menteri ini dianggotai oleh :

---

<sup>12</sup> *Ibid.* h. 72.

<sup>13</sup> Kasim Ahmad (ed) (1981), *Kisah Pelayaran Abdullah*, c. 7. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. xix (Catitan Mengenai Abdullah).

<sup>14</sup> *Ibid.* h. 73.

<sup>15</sup> Husain Khal'ie (1970), *op.cit.* h. 70.

<sup>16</sup> Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *op.cit.* h. 85; Nik Abdul Aziz Nik Hasan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu : Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 20.

- i- mufti selaku ketua hakim
- ii- kadi bertanggungjawab di dalam sebarang guaman hukum syarak
- iii- hakim bertanggungjawab di dalam sebarang guaman yang tidak bersangkut dengan hukum syarak.<sup>17</sup>

Daripada fakta di atas, selain daripada kadi dan khatib, jawatan lain yang diwujudkan pada masa tersebut ialah jawatan mufti selaku ketua hakim. Namun begitu, jawatan mufti ini bukannya sebagai jawatan yang rasmi kerana jawatan mufti yang rasmi diwujudkan pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah.<sup>18</sup>

Baginda Sultan Muhamad Kedua, baginda pernah melantik Hj. Yaakub<sup>19</sup> sebagai penasihat baginda terutamanya dalam soal agama. Hj. Yaakub juga telah bertindak sebagai orang yang bertanggungjawab dalam menjatuhkan hukuman kepada penjenayah di Kelantan. Hukuman rejam pernah dilakukan oleh beliau terhadap mereka yang salah melakukan perzinaan.<sup>20</sup>

Penulis berpendapat jawatan yang lebih tepat yang dipegang oleh Hj. Yaakub pada masa itu ialah jawatan mufti atau ketua hakim di dalam Jemaah menteri keadilan dan kehakiman. Ini kerana jawatan ini merupakan kedudukan yang paling tinggi dalam hirarki pentadbiran agama Islam pada masa itu, sesuai dengan

---

<sup>17</sup> Husain Khal'ie (1970), *op.cit.*

<sup>18</sup> Ismail Che Daud (1994), "Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan", dalam Dato' Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh (ed), *Warisan Kelantan xiii*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 49.

<sup>19</sup> Hj. Yaakub ialah salah seorang daripada anak Tuan Syeikh Hj. Abdul Halim. Lihat Abdul Halim (1982), *op.cit.* h. 3.

<sup>20</sup> *Ibid.* h. 7.

kedudukan beliau sebagai penasihat Sultan dalam soal agama. Beliau jugalah yang bertindak sebagai hakim dalam menjatuhkan hukuman Syariah kepada penjenayah.

Pada zaman baginda juga, Masjid Kayu Kota Bharu telah dibina iaitu pada tahun 1867M. Dengan pembinaan masjid ini, wujudlah pula jawatan Imam dan Khatib Masjid Kayu Kota Bharu. Pada peringkat awalnya jawatan imam telah diamanahkan kepada Hj. Muhammad Salleh Kampung Masjid.<sup>21</sup>

Selepas kemangkatan Sultan Ahmad<sup>22</sup> pada tahun 1889M, suatu perbincangan diadakan di Balai Besar bagi melantik pengganti baginda dan menyelesaikan masalah harta pusaka. Bagi menyelesaikan dua masalah ini Maha Menteri (Menteri Besar) telah dijemput ke istana. Dalam masalah pengganti baginda, Raja Bendahara telah dilantik untuk memangku kerajaan Kelantan sementara menunggu persetujuan daripada Raja Siam. Manakala dalam masalah harta pusaka pula, perkara tersebut dirujuk terus kepada mufti supaya dibuat penentuan siapakah yang berhak menerimanya.<sup>23</sup>

Dari kenyataan ini, penulis melihat bahawa mufti pada masa tersebut telah pun dikhususkan bidang kuasa mereka kepada perkara-perkara yang tertentu dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam. Selain bertindak sebagai ketua hakim, mufti juga ditugaskan untuk mengurus masalah

<sup>21</sup> Ismail Che Daud (2001), "Tuan Tabal (1840-1894)", dalam Ismail Che Daud (ed), *op.cit.* h. 103.

<sup>22</sup> Nama sebenar beliau ialah Long Sulung (Long Ahmad), putera tua Sultan Muhamad kedua. Beliau memerintah Kelantan selama lebih kurang dua tahun (1886-1889), lihat Husain Khal'ie (1970), *op.cit.* h. 67, 74 dan 77; Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *op.cit.* , h. 88-89.

<sup>23</sup> Husain Khal'ie (1970), *ibid.*, h. 77-80.



harta pusaka. Ini menggambarkan bebanan tugas mufti pada masa tersebut sudah semakin banyak.

Selepas empatpuluh hari kemangkatan Sultan Ahmad, Maha Menteri pergi menemui Raja Siam bagi menyelesaikan masalah perebutan takhta di kalangan putera al-marhum dan kerabat diraja yang lain. Maha Menteri telah melaporkan kepada baginda kedudukan dan kebolehan yang sebenar setiap putera al-marhum baginda Sultan Ahmad dan sepupu mereka serta mencadangkan jawatan yang sesuai untuk mereka sambil memohon persetujuan baginda Raja Siam supaya mengurniakan tauliah perlantikan untuk tiap-tiap jawatan yang dicadangkan itu. Salah satu jawatan yang dicadangkan ialah Pengawal Agama Islam (Menteri Agama). Jawatan ini dicadangkan untuk Tengku Long Mansur kerana di antara putera-putera al-marhum beliau adalah yang paling layak dalam mengawal hukum-hukum Islam dan melayani para ulama.<sup>24</sup>

Penulis berpendapat jawatan Menteri Agama inilah yang diberi kuasa oleh Sultan untuk mentadbir hal-ehwal agama Islam di negeri Kelantan pada masa itu seperti melantik mufti, kadhi, imam dan sebagainya. Ini memberi suatu gambaran bahawa telah berlaku perpindahan kuasa mentadbir hal-ehwal agama Islam daripada Sultan kepada wakilnya. Ianya menunjukkan juga sistem pentadbiran hal-ehwal agama Islam pada masa itu sedang menuju ke arah sistem pentadbiran yang semakin tersusun dan teratur.

---

<sup>24</sup> *Ibid.* h. 81-83.

Hal ini diteruskan lagi di zaman pemerintahan Sultan Muhamad ketiga yang memerintah Kelantan dari tahun 1889-1891 di mana baginda turut menjalankan pemerintahan mengikut cara-cara yang telah digariskan oleh al-marhum baginda Sultan Muhamad kedua. Tetapi baginda telah melakukan satu pembaharuan yang besar dan berani iaitu segala dasar undang-undang keadilan dalam sebarang guaman samada jenayah atau harta haruslah berlandaskan hukum syarak.<sup>25</sup> Pada zaman baginda ini, jawatan Penyelia Agama yang ditugaskan bagi meninjau aktiviti-aktiviti seharian umat Islam didapati sudah wujud di mana ianya dipegang oleh Hj. Mahmud.<sup>26</sup> Hal ini menunjukkan suatu usaha ke arah mempertingkatkan lagi mutu sistem pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Kelantan.

Kisah Mat Kilau di Kelantan ada menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh imam pada masa itu. Apabila Mat Kilau dikatakan telah meninggal dunia, seorang imam yang bergelar Imam Hj. Abdullah Serban Hijau (anak saudara Tok Gajah) telah ditugaskan untuk memandikan dan mengkafankan mayat Mat Kilau. Kisah ini berlaku di zaman pemerintahan Sultan Mansor Shah yang memerintah dari tahun 1891-1900M.<sup>27</sup> Ini menunjukkan selain ditugaskan sebagai imam sembahyang, imam pada masa tersebut juga berperanan dalam hal-ehwal pengurusan jenazah. Peranan ini masih lagi kekal hingga ke hari ini.

---

<sup>25</sup> *Ibid.* h. 85-90.

<sup>26</sup> Ismail Che Daud (2001), "Tok Konok (1830-an – 1893)", dalam Ismail Che Daud (ed), *op.cit.* h. 91.

<sup>27</sup> Mat Kilau sebenarnya belum lagi meninggal dunia. 'Mayatnya' telah diganti dengan sebatang pisang dan sebiji kundur dan kemudian dikebumikan. Lihat Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *op.cit.* h. 90-97.

Di zaman ini juga, baginda telah mewujudkan jawatan mufti rasmi yang pertama bagi kerajaan Kelantan. Orang yang dipilih bagi memegang jawatan ini ialah Hj. Nik Wan Daud.<sup>28</sup> Selain daripada ditugaskan bagi mengeluarkan fatwa-fatwa, beliau juga ditugaskan supaya turut menyelia tugas-tugas imam dan pegawai surau yang lain, sekaligus menyimpan rekod perkhidmatan mereka.<sup>29</sup> Pada masa yang sama juga beliau berkhidmat sebagai Imam Tua di masjid Besar Kota Bharu.<sup>30</sup>

Sultan Mansor Shah merupakan seorang raja yang mengambil berat tentang hal-ehwal agama Islam. Ini dapat dilihat daripada sikap baginda yang suka berdampingan dengan ulama di mana baginda telah mengambil seorang ulama Kelantan yang masyhur pada masa itu iaitu Hj. Abdul Malik Sungai Pinang sebagai penasihat agama baginda.<sup>31</sup>

Begitu juga dengan segala pengadilan dan hukuman di zaman baginda seperti mana juga di zaman sebelumnya dijalankan dengan berpandu kepada lunas-lunas hukum syarak. Hasil daripada itu pada tahun 1896 beliau telah membuka sebuah mahkamah adat untuk membicarakan hal-hal jenayah dan baginda telah melantik Engku Biru sebagai hakim pertama di mahkamah tersebut. Dengan tertubuhnya mahkamah adat itu pemerintahan Kelantan amnya dan pentadbiran hal-ehwal

---

<sup>28</sup> Lihat biodata beliau dalam Ismail Che Daud (1994), *op.cit.* h. 50.

<sup>29</sup> *Ibid.* h. 49-50.

<sup>30</sup> *Ibid.* h. 51; Nik Abdul Aziz Nik Hasan (1977), *op.cit.* h. 46.

<sup>31</sup> Ismail Awang (2001), "Hj. Abdul Malik Sungai Pinang (1834-1934)", dalam Ismail Che Daud (ed), *op.cit.*, h. 288.

agama Islam khususnya telah mara selangkah lagi ke arah kemajuan yang sesuai dengan perkembangan zaman.<sup>32</sup>

Pada tahun 1902, diadakan satu perjanjian di antara Inggeris dengan Siam di mana hasil daripada perjanjian tersebut Kelantan menerima seorang Pesuruhjaya Tinggi Siam dengan seorang penolong untuk memberi nasihat kepada raja Kelantan dalam semua perkara kecuali perkara-perkara yang menyentuh adat istiadat orang Melayu dan hal-ehwal agama Islam.<sup>33</sup>

Dari sini bermulalah pemisahan dasar pemerintahan di antara pentadbiran negeri secara umum dengan pentadbiran agama secara khusus di mana Pesuruhjaya Tinggi Siam inilah yang akan mengawal sistem pentadbiran Kelantan kecuali di dalam perkara-perkara yang disebut tadi. Dengan kata lain batas pentadbiran hal-ehwal agama Islam menjadi semakin sempit.

Hasil daripada itu, pembahagian bidang kuasa dalam hal-ehwal pentadbiran agama dilakukan yang telah mengakibatkan setiap pihak yang diberi kuasa memiliki kuasa yang semakin terbatas. Ini berdasarkan kepada Laporan Penasihat British 1903 yang menyatakan bahawa membunuh dan mencuri diserahkan kepada kuasa Imam dan Orang Besar Negeri, manakala perkahwinan, perceraian dan harta pusaka diserahkan kepada Imam dan Hj. Walaupun Sultan yang menjadi penguasa negeri tetapi dalam urusan mentadbir hal-ehwal agama, ia diserahkan

---

<sup>32</sup> Husain Khal'ie (1970), *op.cit.* h. 91.

<sup>33</sup> Sa'ad Shukri bin Hj. Muda (1971), *op.cit.* h. 101.

kepada Imam Mukim.<sup>34</sup> Ini bererti pengagihan sebahagian daripada kuasa Sultan kepada wakil-wakilnya telah berlaku.

Pada tahun 1904, satu mahkamah syariah telah ditubuhkan untuk membicarakan perkara-perkara yang berkenaan dengan agama Islam dan nikah cerai. Mahkamah ini merupakan salah satu daripada empat mahkamah yang ditubuhkan pada masa itu. Tiga lagi ialah mahkamah tinggi, mahkamah adat dan mahkamah tanah. Mahkamah tinggi juga digelar sebagai mahkamah balai kerana ia bertempat di Istana Balai Besar. Mahkamah ini merupakan mahkamah yang tertinggi di negeri Kelantan yang akan membicarakan kes-kes rompak, samun, bunuh dan sebagainya. Hakimnya ialah seorang Inggeris yang dipinjam. Mahkamah adat pula ditubuhkan untuk membicarakan kes-kes kecurian, pukul dan sebagainya dan mahkamah tanah pula membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan masalah tanah.<sup>35</sup>

Daripada fakta di atas jelas bahawa bidang kuasa hakim mahkamah syariah semakin terbatas. Beberapa perkara seperti kes-kes rompak, samun, bunuh, kecurian dan sebagainya seolah-olah telah dinafikan perkaitannya dengan undang-undang Islam yang sepatutnya diletakkan di bawah mahkamah syariah. Lebih jelas lagi, hakim dalam mahkamah tinggi ialah seorang Inggeris yang sudah tentu akan menjatuhkan hukuman berdasarkan undang-undang mereka.

---

<sup>34</sup> Othman Hj. Ishak (1981), *op.cit.* h. 51.

<sup>35</sup> Husain Khal'ie (1970), *op.cit.* h. 97-98.

Mengikut laporan 1907, perjalanan perbicaraan di Mahkamah Syariah dijalankan seperti di Mahkamah Awam. Tetapi oleh kerana Mahkamah Syariah tidak cekap dan lambat dalam menyelesaikan urusan perbicaraan, pada tahun 1909 masalah harta pusaka di ambil alih oleh Mahkamah Awam.<sup>36</sup> Ini menjadikan bidang kuasa Mahkamah Syariah menjadi semakin sempit.

Melalui perjanjian Bangkok pada tahun 1909, berlaku perpindahan naungan daripada kerajaan Siam kepada kerajaan Inggeris terhadap pemerintahan Kelantan. Hasil perjanjian ini juga seorang Penasihat British telah dihantar ke Kelantan bagi menasihati Sultan dalam hal pentadbiran negeri kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.<sup>37</sup>

Ekoran dari perjanjian ini, banyak perkembangan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Kelantan yang melibatkan soal-soal keagamaan, sosial dan pentadbiran negeri. Ini telah menyebabkan beberapa orang cerdik pandai Melayu Kelantan pada masa itu mula memikirkan bahawa satu institusi khusus perlu ditubuhkan bagi menjaga dan mentadbir urusan keagamaan di peringkat negeri Kelantan. Bertolak dari sinilah idea penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan mula dicadangkan dan digerakkan.<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> Othman Hj. Ishak (1981), *op.cit.* h. 52.

<sup>37</sup> *Ibid.* h. 51; Sa'ad Shukri (1971), *op. cit.* h. 107.

<sup>38</sup> Abdul Razak Mahmud (1992), "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", dalam Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh (ed), *Warisan Kelantan xi*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 2.

### 3.2 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan<sup>39</sup>

Sebelum tertubuhnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, beberapa perkembangan yang berlaku di Kelantan pada masa itu dilihat menjadi faktor tertubuhnya Majlis Agama Islam Kelantan dan diikuti pula dengan Jemaah Ulama itu sendiri.

Antaranya ialah masalah sosial dan moral yang mula menular di bandar Kota Bharu. Ini ekoran daripada kemasukan orang-orang asing seperti orang-orang Cina dan India ke negeri Kelantan secara beramai-ramai selepas Inggeris mengukuhkan pengaruhnya di Kelantan. Keadaan ini telah menimbulkan masalah kepada pentadbir agama pada masa itu. Wujudnya masalah-masalah seperti permainan judi, loteri, meminum arak, tidak berpuasa dan sebagainya telah menyebabkan kerajaan Kelantan bertindak mengeluarkan notis melarang orang-orang Islam daripada terlibat. Hal ini dilihat oleh tokoh-tokoh agama dan pemimpin Melayu pada ketika itu sebagai satu kelonggaran dalam melaksanakan Undang-Undang Syariah di Kelantan. Ini menunjukkan sikap pemerintah Inggeris yang mengambil mudah perkara-perkara yang berkaitan dengan soal agama Islam di Kelantan pada masa itu.<sup>40</sup>

---

<sup>39</sup> Ini adalah nama rasminya sekarang. Semasa awal penubuhannya, ia dikenali sebagai Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Perkataan Adat telah ditambah mengikut Enakmen Bilangan 2 Tahun 1966 dan perkataan Ugama pula telah ditukar ejaannya kepada Agama mengikut Enakmen Bilangan 4 Tahun 1994 menjadikan nama rasminya sekarang ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Lihat Torek Sulung, Sejarah Penubuhan MAIK, dalam *Harian Metro*, Jumaat, 10 Mac 2000, Kuala Lumpur : The News Straits Times Press (M'sia) Bhd., h. 29. Untuk penyelarasan dan mengelak kekeliruan penulis akan menggunakan nama rasminya sekarang di dalam tulisan ini.

<sup>40</sup> Noraini bt. Md. Zain (1988), "Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan", dalam Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (ed), *Warisan Kelantan vii*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 60-62.

Selain daripada itu pentadbir agama juga mengalami masalah kewangan yang agak meruncing. Mufti selaku tulang belakang pentadbir agama dan hakim Mahkamah Syariah, telah ditugaskan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Campurtangan Penasihat Inggeris sedikit sebanyak membantu mengatasi masalah ini. Walaubagaimanapun, ianya bersifat sementara. Lebih merumitkan lagi keadaan, penasihat Inggeris tersebut yang berkuasa menentukan sumber kewangan pentadbiran agama. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin agama.<sup>41</sup>

Pemusatan kuasa yang terlalu banyak kepada mufti dalam soal pentadbiran agama Islam dilihat juga menjadi faktor tertubuhnya majlis agama. Hal ini menyebabkan merosotnya mutu pentadbiran agama Islam di Kelantan. Tugas mufti yang semakin bertambah menyebabkan beliau tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugasnya. Pemimpin-pemimpin agama pada masa itu melihat perlunya ada pengkhususan dan pembahagian tugas yang lebih teratur dan kemas.<sup>42</sup>

Selepas berlakunya pemberontakan Tok Janggut di Pasir Putih pada tahun 1915, beberapa perubahan telah dilakukan terhadap struktur pentadbiran negeri Kelantan. Keadaan ini menyebabkan timbulnya cadangan supaya pentadbiran agama di negeri Kelantan juga dibuat perubahan supaya lebih kemas dan teratur.

---

<sup>41</sup> *Ibid.* h. 62.

<sup>42</sup> *Ibid.*



Kemajuan yang telah dicapai oleh organisasi agama di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Johor telah menyemarakkan lagi cadangan tersebut.<sup>43</sup>

Ditambah lagi dengan baginda Sultan Muhamad keempat<sup>44</sup> sendiri pada masa itu belum berpuas hati melihat pentadbiran dan pelaksanaan urusan-urusan yang bersangkutan paut dengan agama Islam yang belum lagi tersusun dan teratur.<sup>45</sup> Pada masa ini, badan yang menyelaraskan pentadbiran agama Islam berpusat di Balai Besar yang terletak di tengah-tengah bandar Kota Bharu.<sup>46</sup>

Melihat kepada perkembangan inilah, tiga tokoh penting di Kelantan pada masa itu telah mencadangkan kepada Sultan supaya ditubuhkan satu organisasi khusus lagi tersusun dalam mentadbir hal-chwal agama Islam yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu. Tiga tokoh tersebut ialah Datuk Bentara Setia Hj. Nik Mahmood bin Hj. Ismail, Hj. Muhamad Yusof atau lebih dikenali sebagai Tok kenali dan Datuk Setia Hj. Muhd. To' Khatib Hj. Mohd Saad. Idea penubuhan ini dikatakan datangnya daripada Tok Kenali. Atas nasihat beliau kepada Datuk Bentara Setia, perkara ini lalu dipersembahkan kepada Sultan.<sup>47</sup>

---

<sup>43</sup> *Ibid.* h. 62-63.

<sup>44</sup> Nama sebenar baginda ialah Tuan Long Senik, putera Sultan Muhamad ketiga. Baginda memerintah Kelantan dari tahun 1900-1920. Lihat Sa'ad Shukri, *op. cit.* h. 100.

<sup>45</sup> Husain Khal'ie (1970), *op.cit.* h. 123.

<sup>46</sup> Noraini bt. Md. Zain (1988), *op.cit.* h. 65.

<sup>47</sup> *Ibid.* h. 64; Abdul Razak Mahmud (1992), *op.cit.* h. 3; Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan (1983), "Peranan Majlis Terhadap Kemajuan Pelajaran di Negeri Kelantan", dalam Prof Khoo Kay Kim (ed), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, h. 83; Zainul Abidin bin Abdullah (1983), "Peranan Majlis Agama Dalam Pelajaran", dalam Prof. Khoo Khay Kim (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 101.

Hasilnya, baginda Sultan dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri telah memperkenankan cadangan tersebut.<sup>48</sup> Pada hari Selasa 7 Disember 1915 bersamaan 30 Muharram 1334, cadangan untuk menubuhkan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah diluluskan di dalam mesyuarat Kaunsil Negeri Kelantan.<sup>49</sup> Selanjutnya pada pukul 10.30 pagi, 24 Disember 1915 bersamaan 17 Safar 1334, pengisytiharan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu telah dilangsungkan oleh Sultan Muhammad Keempat di Pejabat Tanah Lama Kota Bharu.<sup>50</sup>

Melalui pengisytiharan itu juga, 12 orang telah dilantik oleh Sultan bagi menjadi anggota Majlis. Mereka ialah Hj. Awang Muhd Yusof bin Ahmad (Tok Kenali), Hj. Nik Mahmood Ismail, Hj. Muhd. Khatib Hj. Mohd. Said, Hj. Muhd. Said Jamaluddin, Hj. Wan Muhammad bin Hj. Wan Abdul Samad, Hj. Wan Abdullah Hj. Wan Abdul Samad, Muhd Ghazali Arifin (Dato' Bentara Jaya), Datuk Istiadat Mohd Daud Salim, Nik Ja'afar bin Hj. Nik Abdul Kadir, Nik Wan Mohd. Amin bin Wan Musa, Tengku Abdul Rahman bin Sultan Muhamad III dan Tambi Omar Tambi Kechik.<sup>51</sup>

Mereka ini dipertanggungjawabkan bagi menjayakan tujuan-tujuan awal penubuhan Majlis pada masa itu. Tujuan-tujuan tersebut ialah mengadakan masjid, memajukan pelajaran Melayu dan Arab, membuat terjemahan kitab Arab

---

<sup>48</sup> Husain Khal'ie (1970), *op.cit.*

<sup>49</sup> Lihat "Titah Ucapan Perasmian Penubuhan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan", 1915 dalam Apendiks F.

<sup>50</sup> Noraini bt. Md. Zain (1988), *op. cit.* h. 65; Abdul Razak Mahmud (1992), *op.cit.*

<sup>51</sup> Zainul Abidin bin Abdullah (1983), *op. cit.* h. 102.

ke dalam bahasa Melayu, memberi pertolongan kepada fakir miskin, membuat rumah sewa dan menjalankan perniagaan.<sup>52</sup>

Bagi menjayakan tujuan-tujuan awal tersebut Sultan telah menitahkan Datuk Bentara Setia Hj. Nik Mahmood bin Hj. Ismail dan Hj. Muhammad Said supaya merangka perlembagaan pertubuhan itu.<sup>53</sup> Hasilnya, satu rangka asas rancangan dan bidang-bidang kegiatan awal telah disediakan oleh mereka berdua. Antaranya ialah menyediakan peraturan mengadakan mesyuarat, membuat dan menyempurnakan kes-kes guaman dari Mahkamah Syariah, menjalankan urusan yang berkaitan dengan kutipan zakat dan harta baitulmal, pelacur, surau-surau, melatih pegawai-pegawai surau, menjaga dan mentadbir tiga masjid, iaitu Masjid Kota Bharu, Masjid Langgar dan Masjid Kampung Laut.<sup>54</sup>

Kegiatan-kegiatan ini sentiasa bertambah dari setahun ke setahun. Walaubagaimanapun, gambaran sebenar mengenai bidang tugas dan jenis pekerjaan yang dibuat oleh Majlis pada peringkat awal dapat dilihat dari nama-nama jabatan (bahagian) yang ada di Majlis sehingga akhir tahun 1917. Pejabat-pejabat ini ialah :<sup>55</sup>

- i-Pejabat Setiausaha Majlis
- ii-Pejabat Nazir Madrasah al-Muhamadiyah
- iii-Pejabat Terjemah Kitab-Kitab Majlis
- iv-Pejabat Mufti

---

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Sa'ad Shukri (1971), *op.cit.* h. 122.

<sup>54</sup> Noraini bt. Md. Zain (1988), *op.cit.* h. 64; Abdul Razak Mahmud (1992), *op.cit.* h. 7.

<sup>55</sup> Abdul Razak Mahmud (1992), *ibid.* h. 8.

v- Pejabat Zakat Padi dan Fitrah

vi-Pejabat Menyukat Mentara Mukim Surau

vii-Pejabat Matbaah Majlis

Pada 24 Januari 1918, Majlis menubuhkan satu mesyuarat ulamanya untuk menjawab segala persoalan yang bersabit dengan hukum Islam dan bertindak sebagai sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab memberi fatwa.<sup>56</sup> Mesyuarat ulama ini mulanya dikenali dengan nama Dewan Permesyuaratan Ulama<sup>57</sup> yang kemudiannya ditukar kepada Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.<sup>58</sup> Dewan ini dikatakan sebagai kesinambungan daripada usaha untuk mengemaskinikan lagi pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Kelantan, khususnya dalam urusan mengeluarkan fatwa melalui mesyuarat jawatankuasanya.

### **3.3 Penubuhan Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan**

Sebelum ditubuhkan Jemaah Ulama Kelantan, individu yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa ialah mufti. Ini dapat dilihat pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad I, di mana baginda pernah melantik Cik Abdullah sebagai guru agama bagi keluarga baginda dan juga sebagai penasihat agama baginda. Cik Abdullah juga, pada masa yang sama dilantik sebagai salah seorang anggota mesyuarat negeri yang ditugaskan memberi nasihat kepada Sultan dalam menjalankan urusan pentadbiran kerajaan negeri. Sebahagian daripada peranan

---

<sup>56</sup> *Ibid.* h. 5.

<sup>57</sup> Ismail Awang (2001), "Mufti Hj. Wan Muhammad (1870-1920)", dalam Ismail Che Daud (ed), *op.cit.*, h. 210.

<sup>58</sup> Abdul Razak Mahmud (1992), *op.cit.*

dalam menentukan tarikh tepat perlantikan beliau sebagai mufti.<sup>63</sup> Cuma disebut di dalam sesetengah tulisan beliau memegang jawatan ini dari tahun 1895 hingga 1907.<sup>64</sup>

Selepas kematian Hj. Nik Wan Daud pada 4 November 1907,<sup>65</sup> jawatan ini diserahkan pula kepada Hj. Wan Ishak bin Imam Hj. Abdullah. Beliau mula memegang jawatan tersebut pada 11 November 1907 hingga ke awal tahun 1909 apabila khidmat beliau ditamatkan di atas sebab-sebab tertentu. Jawatan ini kemudiannya diserahkan pula kepada Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad.<sup>66</sup>

Perlantikan beliau sebagai Mufti Kerajaan diputuskan oleh baginda Sultan pada 19 Januari 1909. Walaubagaimanapun surat perlantikannya diserahkan enam bulan kemudian. Setelah lebih kurang tujuh tahun menjadi mufti, akhirnya pada akhir bulan Jun 1916 beliau telah meletakkan jawatannya selepas berlakunya perselisihan pendapat dengan ulama Kelantan yang lain dalam beberapa perkara.<sup>67</sup>

Jawatan ini diserahkan pula kepada abangnya Hj. Wan Muhammad bin Hj. Abdul Samad pada 21 Ogos 1916.<sup>68</sup> Pada masa tersebut banyak pertanyaan tentang hukum ditujukan kepada Majlis Agama Islam samada dari masyarakat tempatan

---

<sup>63</sup> Ismail Che Daud (1994), *op.cit.* h. 50.

<sup>64</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), "Jemaah Ulama Majlis", dalam *Majalah Pengasuh*, bil. 511 (April 1991), Kota Bharu : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 2.

<sup>65</sup> Ismail Che Daud (1994), *op.cit.* h. 51.

<sup>66</sup> *Ibid.* h.51-55; Ismail Awang (2001), *op.cit.*

<sup>67</sup> Ismail Che Daud (1994), *ibid.* h. 56-58.

<sup>68</sup> *Ibid.* h. 59.

mahupun luar negara seperti Singapura, Jawa, Patani, Sumatera dan lain-lain. Pertanyaan-pertanyaan tersebut akan diteliti oleh beliau pada setiap hari Selasa di pejabat Majlis dengan dibantu oleh seorang kerani dan seorang pelayan pejabat.<sup>69</sup>

Selain daripada memegang jawatan mufti, pada masa yang sama beliau juga memegang beberapa jawatan lain seperti Imam Pertama Masjid Besar, anggota Majlis Agama Islam, Hakim Mahkamah Syariah, Ketua Masjid Besar Kota Bharu dan Ahli Mesyuarat Kerajaan.<sup>70</sup> Bagi meringankan bebanan tugas beliau yang begitu banyak ini, pada 24 Januari 1918, Majlis Agama Islam telah mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Ulama<sup>71</sup> atau Dewan Permesyuaratan Ulama yang diketuai oleh mufti Hj. Wan Muhamad sendiri. Majlis Ulama atau Dewan Permesyuaratan Ulama ini akan bermesyuarat pada malam Selasa di bangunan Majlis Ugama Islam.<sup>72 73</sup>

Walaupun bagaimanapun, mesyuarat tersebut bukanlah merupakan mesyuarat ulama yang pertama diadakan baik di Kelantan mahupun diluarnya. Di luar Kelantan iaitu di Kedah, telah ditubuhkan pada 11 Mac 1912 satu Majlis Syura Ulama atau Majmu' Ulama 12 Negeri yang lazimnya bermuzakarah pada malam Jumaat

---

<sup>69</sup> Ismail Awang (2001), *op.cit.* h. 210; Muhammad Shukri bin Muhammad, *op.cit.* h. 3.

<sup>70</sup> Majalah Pengasuh, bil. 33, 25 Oktober 1919, h. 7; Ismail Che Daud (1994), *op.cit.*

<sup>71</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *op.cit.* h. 2.

<sup>72</sup> Ismail Awang (2001), *op.cit.*

<sup>73</sup> Bangunan ini terletak di Jalan Sultan, Kota Bharu. Ianya merupakan sebuah bangunan rumah kayu yang dibeli oleh Majlis pada 31 Julai 1917. Bangunan ini kekal menjadi pejabat Majlis dari tarikh ini hinggalah apabila Majlis berpindah ke bangunan barunya sekarang di Jalan Sultan Yahya Petra Lundang pada 16 Februari 1990. Lihat Abdul Razak Mahmud (1992), *op.cit.* h. 4.

selepas sembahyang Maghrib, di Masjid Zahir, Alor Setar.<sup>74</sup> Ada kemungkinan idea penubuhan Jemaah Ulama timbulnya daripada Majlis Syura Ulama ini.

Begitu juga di Kelantan, sebelum tertubuhnya Majlis Ulama, mufti sudahpun menjalankan mesyuarat dengan para ulama yang lain sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa. Ini dapat dilihat daripada surat perlantikan jawatan mufti yang dihantar oleh baginda Sultan Muhammad keempat kepada Mufti Hj. Wan Musa yang bertarikh 10 Rajab 1327 bersamaan dengan 27 Julai 1909.<sup>75</sup> Antara isi kandungan surat tersebut berbunyi "... maka bolehlah Mufti bawa qaul itu kepada ahli mesyuarat di dalam mesyuarat. Maka jika ada kebenaran ahli mesyuarat bolehlah Mufti memberi fatwa dengan dia dan lain-lain " <sup>76</sup>

Begitu juga dalam perkara 5 surat perlantikan tersebut :

*"... maka berkuasalah mufti itu memanggil akan ulama yang di dalam negeri Kelantan dari orang alim yang berkhilaf itu pergi ke tempat yang dikehendaki oleh Mufti itu supaya boleh Mufti itu mesyuarat dengan mereka itu supaya boleh menjadi bersatu faham mereka itu."*<sup>77</sup>

Berdasarkan kandungan surat tersebut, jelas bahawa mufti diperintahkan oleh baginda Sultan supaya mengadakan mesyuarat bersama-sama dengan ulama yang lain. Walaubagaimanapun, penulis melihat bahawa walaupun sudah wujud mesyuarat ulama pada masa itu, namun ianya bukan di atas nama sebuah

---

<sup>74</sup> Ismail Che Daud (2001), "Pak Wan Sulaiman (1874 – 1935)", dalam Ismail Che Daud (ed), *op.cit.* h. 312.

<sup>75</sup> Ismail Awang (2001), "Mufti Hj. Wan Musa (1875-1939)", *ibid.* h. 387; Ismail Che Daud (1994), *op.cit.* h. 56.

<sup>76</sup> Ismail Awang (2001), *ibid.*

<sup>77</sup> *Ibid.* h. 388.

organisasi yang khusus dan rasmi. Ia dibuat bagi memenuhi perintah Sultan sebagaimana terkandung dalam surat tersebut. Bagi mengemaskinikan lagi mesyuarat ulama tersebut, Majlis Ulama ditubuhkan sebagai sebuah organisasi rasmi yang berada di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri.

Nama Majlis Ulama atau Dewan Permesyuaratan Ulama ini kemudiannya ditukar kepada nama Jemaah Ulama pada tahun 1966 iaitu mengikut Undang-Undang Majlis Agama Islam Kelantan, bil. 2 Tahun 1966.<sup>78</sup>

### 3.3.1 Objektif Penubuhan

Pada peringkat awal penubuhannya, objektif utama penubuhan Jemaah Ulama ialah untuk menjawab kemusykilan-kemusykilan agama yang dikemukakan secara bertulis oleh orang ramai yang mana sebelumnya ia dilaksanakan oleh Majlis Agama sendiri.<sup>79</sup>

Pada peringkat awal ini juga, tidak ada catatan tentang jumlah bilangan soalan yang diterima samada dari dalam negeri mahupun luar negeri yang diberi jawapan oleh Jemaah Ulama. Walaubagaimanapun, fatwa-fatwa yang dikeluarkan, akan dihantar melalui pos kepada pihak yang bertanya dan disiarkan di dalam majalah Pengasuh,<sup>80</sup> sebuah majalah yang bertindak sebagai lidah rasmi bagi Majlis yang

---

<sup>78</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *op.cit.* h. 5.

<sup>79</sup> Sumber daripada Bahagian Agama, Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

<sup>80</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *op.cit.* h. 3.



mula diterbitkan pada bulan Julai 1918.<sup>81</sup> Ini bagi membolehkan fatwa tersebut diketahui oleh penanya dan orang ramai.

Pada tahun 1920 suatu perubahan pentadbiran dilakukan apabila pejabat mufti kerajaan diasingkan daripada pejabat Majlis Agama Islam. Walaubagaimanapun, peranan mufti tetap tidak berubah iaitu membantu Majlis Agama Islam dalam hal-hal mengenai fatwa dan menjawab kemusykilan agama.<sup>82</sup>

Menurut rekod, terdapat berpuluh-puluh, bahkan beratus-ratus pertanyaan hukum diterima setiap tahun oleh Majlis, di mana perkara-perkara yang dikemukakan itu menyentuh berbagai aspek. Sebagai contoh, antara tahun 1920-1933 sebanyak kira-kira 1,522 pertanyaan agama telah diterima oleh Jemaah Ulama. Ini bermakna dalam tempoh tersebut, purata permohonan fatwa yang diterima dari orang ramai adalah kira-kira 117 masalah setahun. Perkembangan ini menunjukkan bahawa Majlis, melalui fungsi Jemaah Ulamanya, telah melaksanakan tanggungjawab di bidang fatwa dengan berkesan demi untuk faedah masyarakat umum.<sup>83</sup>

Pada tahun 1931 pula, Jemaah Ulama telah melakukan suatu perubahan baru di mana mufti ditugaskan bagi menjawab kemusykilan agama yang dikemukakan

---

<sup>81</sup> Abdul Razak Mahmud (1992), *op.cit.* h. 5.

<sup>82</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *op.cit.*

<sup>83</sup> *Ibid.*, Sumber daripada Bahagian Agama, Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

oleh penduduk tempatan sahaja, manakala Tuan Hj. Omar bin Ismail Nuruddin ditugas melayani pertanyaan-pertanyaan yang datang dari luar negeri.<sup>84</sup>

Selain ditugaskan untuk mengeluarkan fatwa, Jemaah Ulama juga ditubuhkan untuk menasihati Majlis dan lain-lain perkara yang berhubung dengan fatwa sebagaimana disebut dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Bilangan 4 Tahun 1994, seksyen 33 (1) :

*" Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud menasihati Majlis atau lain-lain perkara berhubung dengan fatwa yang hendak dikeluarkan mengikut mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen, suatu Jemaah Ulama' yang terdiri daripada-*

- (a) Mufti sebagai pengerusi*
- (b) Timbalan Mufti; dan*
- (c) Tidak kurang daripada lapan, tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain".<sup>85</sup>*

Berdasarkan Enakmen di atas, Jemaah Ulama juga ditubuhkan dengan tujuan untuk memberi nasihat kepada Majlis. Peranan ini dijelaskan dengan lebih jelas lagi di dalam Enakmen yang sama di bawah Seksyen 7 (2) yang menyebut :

*"Jemaah Ulama hendaklah menjadi badan untuk menasihatkan Majlis tentang pelaksanaan kewajibannya di bawah subseksyen (1)<sup>86</sup> untuk menjamin supaya kegiatan-kegiatan yang dijalankan dalam pelaksanaan itu tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam."<sup>87</sup>*

Peranan ini sebenarnya selaras apabila dilihat kepada kedudukan Jemaah Ulama di dalam struktur pentadbiran Majlis Agama Islam itu sendiri. Di dalam struktur

---

<sup>84</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *ibid*.

<sup>85</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 4 Tahun 1994, Seksyen 33 (1).

<sup>86</sup> Kewajipan Majlis di bawah subseksyen (1) ialah menganjur, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam dalam negeri ini menurut Hukum Syarak. Lihat *ibid*, Seksyen 7 (1).

<sup>87</sup> *Ibid*, Seksyen 7 (2).

pentadbiran Majlis Agama Islam, Jemaah Ulama dikira sebagai salah satu unit rasmi yang penting (yang diwartakan di dalam enakmen) yang mana kedudukannya setaraf dengan kedudukan anggota Majlis. Walaupun peranannya lebih tertumpu kepada hal-hal mengeluarkan fatwa, Jemaah Ulama juga berperanan memberi nasihat kepada Majlis dalam pentadbiran yang berkaitan dengan masalah hukum. Ini dapat dilihat berdasarkan carta organisasi Majlis Agama Islam Kelantan.<sup>88</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, dua objektif utama penubuhan Jemaah Ulama ialah memberi nasihat kepada anggota Majlis dan mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan fatwa. Ini memberi erti Jemaah Ulama yang mempunyai kuasa penuh dalam memberi nasihat kepada anggota Majlis dalam menjalankan urusan pentadbiran supaya selaras dengan syariat Islam dan juga dalam urusan mengeluarkan fatwa-fatwa terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh orang ramai kepada mereka.

Selain daripada dua objektif tadi, Jemaah Ulama juga dipertanggungjawabkan juga bagi menyemak buku-buku Islam yang ditulis oleh penulis-penulis yang menghantar kepada pihak Majlis untuk dibuat semakan. Begitu juga mengenai mewujudkan mukim-mukim untuk mendirikan Jumaat, pembinaan masjid-masjid dan pemindahan surau, Jemaah Ulama diberi peranan untuk meneliti kawasan dan kedudukan sesuatu tempat yang dicadangkan untuk dijadikan tapak masjid selaras dengan kehendak syarak.<sup>89</sup>

---

<sup>88</sup> Lihat Carta Organisasi Pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam Apendiks G.

<sup>89</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *op.cit.* h. 55.

Jemaah Ulama juga diberi tanggungjawab mengendalikan peperiksaan imam-imam masjid bagi seluruh negeri Kelantan. Selain itu ia juga bertanggungjawab dalam menemuduga calon-calon yang memohon mendapatkan tauliah untuk mengajar kitab-kitab agama secara menadah yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya.<sup>90</sup>

### 3.3.2 Keanggotaan

Pada awal penubuhannya, Jemaah Ulama dianggotai oleh tokoh-tokoh ulama yang terkenal di negeri Kelantan yang pada masa yang sama, mereka turut menganggotai Majlis Agama Islam Kelantan.<sup>91</sup> Walaubagaimanapun, mengikut sumber daripada Majlis Agama tidak terdapat rekod yang menyatakan siapakah yang telah dilantik menganggotai Jemaah Ulama pada awal penubuhannya.<sup>92</sup>

Mengikut surat peringatan mesyuarat Jemaah Ulama yang ditulis oleh Hj. Yaakub Gajah Mati, seramai lima orang telah menghadiri mesyuarat Jemaah Ulama pada malam Selasa, 28 Jamadilawal bersamaan dengan 17 Februari 1920. Mereka ialah Hj. Wan Muhammad selaku mufti dan Ketua Jemaah ulama pada masa itu, Tok Kenali, Hj. Muhamad Said Khatib, Hj. Encik Idris dan Hj. Pak Cik Musa.<sup>93</sup>

Ada kemungkinan inilah bilangan anggota Jemaah Ulama pada masa itu. Ini kerana bilangan anggota pada masa tersebut tidak jauh berbeza dengan bilangan

---

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> Abdullah Alwi Hj. Hassan (1996), *op. cit.*, h. 84.

<sup>92</sup> Temubual dengan Ustaz Murtadha bin Hj. Abdullah, Setiausaha Jemaah Ulama, di Pejabat beliau pada 30 Januari 2002, jam 11.00 pagi.

<sup>93</sup> Ismail Awang (2001), Hj. Yaakub Gajah Mati, dalam Ismail Che Daud (ed), *op.cit.*, Kota Bharu : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 599.

anggota Jemaah Ulama pada tahun 1933 yang seramai tujuh orang. Anggota-anggota Jemaah Ulama pada tahun 1933 adalah terdiri daripada Tuan Hj. Ibrahim bin Yusuf selaku mufti kerajaan pada masa itu, Tuan Hj. Ahmad Mahir (setiausaha), Tuan Hj. Che Abdullah Tahir, Tuan Hj. Wan Muhammad Khatib, Dato' Seri DiRaja Hj. Muhammad Said Khatib, Tuan Hj. Nik Mahmud (Imam) dan Tuan Hj. Che Omar.<sup>94</sup>

Bagi menambahkan lagi bilangan anggota Jemaah Ulama, satu perubahan dilakukan pada tahun 1940 di mana beberapa orang kadi telah dilantik menganggotai Jemaah Ulama. Ini telah menjadikan bilangan anggota Jemaah Ulama pada masa itu seramai 20 orang. Senarai anggota Jemaah Ulama pada tahun tersebut adalah seperti berikut :

- i- Dato' Hj. Encik Ibrahim-Yang Dipertua
- ii- Tuan Hj. Ahmad Mahir bin Hj. Ismail -Naib Yang Dipertua
- iii- Nik Muhamad bin Hj. Wan Musa-Setiausaha
- iv- Nik Muhamad Adib bin Hj. Nik Mat -Penolong Setiausaha
- v- Tuan Hj. Nor bin Hj. Che Ibrahim- anggota
- vi- Tuan Hj. Abdullah Tahir bin Hj. Ahmad – anggota
- vii – Tuan Hj. Nik Mahmud bin Nik Dir – anggota
- viii- Tuan Hj. Ismail bin Hj. Abdul Majid - anggota
- ix- Tuan Hj. Wan Ahmad bin Hj. Muhammad Said - anggota
- x- Tuan Hj. As'ad bin Hj. Daud -anggota
- xi- Tuan Hj. Yaakub bin Muhamad – anggota
- xii- Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Awang Kenali – anggota

---

<sup>94</sup> Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), *op.cit.* h. 4.

- xiii- Tuan Hj. Yaakub bin Hadhari – anggota
- xiv- Tuan Hj. Nik Abdul Rahman bin Nik Abdullah – anggota
- xv- Tuan Hj. Ali bin Awang – anggota
- xvi – Tuan Hj. Nik Man bin Nik Mat – anggota
- xvii–Tuan Hj. Hasan Idris bin Ismail (Kadi Ulu Kelantan) - anggota
- xviii–Tuan Hj. Ismail bin Hj. Yaakub (Kadi Pasir Putih ) – anggota
- xix – Tuan Hj. Mukhtar bin Hj. Ahmad ( Kadi Bachok ) – anggota
- xx – Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Muhamad (Kadi Pasir Mas) – anggota.<sup>95</sup>

Bilangan anggota Jemaah Ulama ini dilihat berkurangan pada tahun 1946. Mengikut majalah Pengasuh bilangan 2 keluaran 20 Jun 1946-21 Rajab 1365, nama-nama anggota pada masa itu ialah :

- i- Tuan Hj. Ahmad Maher – Mufti Kerajaan dan Yang DiPertua
- ii- Tuan Hj. Nik Muhamad Adeeb – Naib Yang DiPertua
- iii- Hj. Nik Abdul Rahman Nik Kub
- iv- Hj. Abdullah Tahir Hj. Ahmad
- v- Hj. Ismail Hj. Abdul Majid
- vi- Hj. Nik Abdul Rahman Hj. Wan Abdullah
- vii- Hj. Yaakub Muhammad (Ahmad)
- viii- Hj. Wan Hasan Hj. Wan Muhammad
- ix- Hj. Nik Hasan Hj. Nik Mat
- x- Hj. Wan Adam Hj. Wan Abdullah
- xi- Hj. Ali bin Awang
- xii- Hj. Ishak Shamsudin

---

<sup>95</sup> *Ibid.*

- xiii- Hj. Ahmad bin Muhammad Yusof Kenali
- xiv- Dato' Hj. Muhammad Nor Ibrahim
- xv- Hj. Ahmad Idris (bekas Kadi Besar)
- xvi- Lebai Nik Mat Kedai Lalat<sup>96</sup>

Daripada senarai di atas dapat dilihat bahawa beberapa tokoh yang pernah dilantik sebelum itu telah tidak lagi menganggotai Jemaah Ulama. Hal ini boleh berlaku kerana sebab-sebab tertentu seperti kematian, keuzuran dan sebagainya. Apa yang jelas daripada senarai Jemaah Ulama 1946, tidak ada seorang kadi pun yang dilantik menganggotai Jemaah Ulama pada masa itu berbanding empat orang pada tahun 1940. Ini adalah di antara perubahan yang dilakukan selepas daripada itu.

Keanggotaan seterusnya telah dapat dilihat daripada peruntukan enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Tahun 1953, seksyen 41 (1), yang menyatakan Jemaah Ulama hendaklah terdiri daripada seorang Mufti Kerajaan, tidak kurang daripada dua orang anggota majlis yang lain dan tidak kurang daripada enam orang lain yang munasabah sama ada mereka anggota majlis atau tidak.<sup>97</sup>

Keanggotaan ini berbeza sedikit dengan keanggotaan yang dinyatakan mengikut enakmen yang sama pada tahun 1966, seksyen 12 (1), di mana enakmen tersebut menjelaskan bahawa Jemaah Ulama hendaklah terdiri daripada seorang Mufti Kerajaan dan tidak kurang daripada lapan orang yang munasabah dan sesuai tanpa

---

<sup>96</sup> Ismail Awang (2001), *op.cit.* h. 604-605.

<sup>97</sup> Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Tahun 1953, Seksyen 41 (1).

memasukkan bersama anggota Majlis.<sup>98</sup> Walaubagaimanapun, jumlah minima keanggotaannya masih lagi sama. Satu ciri persamaan di antara kedua-dua enakmen ini ialah masing-masing tidak menyatakan jumlah maksima keanggotaannya.

Walaubagaimanapun, jumlah maksima ini kemudiannya dinyatakan dengan jelas di dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bilangan 4 tahun 1994. Mengikut Seksyen 33 (1) Enakmen tersebut, Jemaah Ulama adalah terdiri daripada seorang mufti selaku pengerusi, Timbalan Mufti dan tidak kurang daripada lapan tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain.<sup>99</sup>

Pada hari ini Jemaah Ulama adalah terdiri daripada 14 orang anggota termasuk seorang setiausaha. Nama-nama mereka adalah seperti berikut :<sup>100</sup>

- i- Dato' Hj. Hasbullah bin Mohd. Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan - Pengerusi
- ii- Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Muhamad, Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan - Ahli
- iii- YBhg. Dato' Hj. Daud bin Muhamad – Ahli
- iv- YBhg. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Abd. Majid ( Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya ) – Ahli

<sup>98</sup> Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Tahun 1966, Seksyen 12 (1).

<sup>99</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 4 Tahun 1994, Seksyen 33 (1).

<sup>100</sup> Sumber daripada Pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.



- v- Ustaz Wan Hassan bin Wan Mohamad – Ahli
- vi- Tuan Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman – Ahli
- vii- Tuan Hj. Ismail bin Hj. Ibrahim – Ahli
- viii- Tuan Hj. Ariffin bin Awang – Ahli
- ix- Tuan Hj. Nik Abdul Kadir bin Nik Mohamad – Ahli
- x- Prof. Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor – Ahli
- xi- Ustaz Abdullah @ Rahimi Hj. Daud – Ahli
- xii- Prof. Madya Sidi Ahmad bin Abdullah – Ahli
- xiii- Ustaz Abd Kadir bin Hj. Muhammad - Ahli
- xiv- Ustaz Murtadha bin Hj. Abdullah – Ahli dan Setiausaha.

Semua anggota-anggota Jemaah Ulama ini kecuali Mufti dan Timbalan Mufti adalah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan bagi suatu tempoh mengikut budibicaranya dengan tauliah yang ditandatangani dan dimeterai mohornya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana perlantikan itu.<sup>101</sup> Semua perlantikan dan pembatalan dibawah seksyen ini hendaklah diberitahu melalui *Warta*.<sup>102</sup>

Mufti melalui setiausaha Jemaah Ulama akan mencadangkan nama-nama yang berkeelayakan kepada Duli Yang Maha Mulia al-Sultan untuk dibuat perlantikan sebagai anggota Jemaah Ulama. Anggota-anggota yang dilantik diberi tempoh perkhidmatan selama setahun dan akan diperbaharui dari setahun ke setahun

---

<sup>101</sup> *Op.cit*, Seksyen 33 (2).

<sup>102</sup> *Ibid*. Seksyen 33 (3).

sekiranya diperlukan. Manakala jawatan Mufti dan Timbalannya pula dilantik berdasarkan jawatan mereka<sup>103</sup>

Nama-nama yang dicadangkan itu mestilah terdiri daripada mereka yang betul-betul layak. Mana-mana nama yang mempunyai ciri-ciri berikut adalah tidak layak dilantik sebagai anggota Jemaah Ulama :

- (a) orang yang bukan beragama Islam
- (b) orang yang bukan dari golongan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah*
- (c) orang yang berumur di bawah dua puluh satu tahun
- (d) orang yang telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah dan dihukum penjara atau denda melebihi dua ribu ringgit
- (e) orang yang diisytihar muflis.<sup>104</sup>

Anggota-anggota yang telah dilantik hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi mereka sepanjang tempoh perkhidmatan. Walaubagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membatalkan perlantikan mereka jika :

- (a) kelakumannya sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai ahli Jemaah Ulama atau sebaliknya telah memburukkan nama Jemaah Ulama; atau
- (b) dia, dengan sesuatu sebab, tidak boleh menjalankan tugas jawatannya dengan sempurna; atau

---

<sup>103</sup> Temubual dengan Ustaz Murtadha bin Hj. Abdullah, Setiausaha Jemaah Ulama, di Pejabat beliau pada 30 Januari 2002, jam 11.00 pagi.

<sup>104</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, bil. 4 Tahun 1994, Seksyen 14.

- (c) dia, tanpa sebarang alasan yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, tidak hadir di dalam tiga kali Mesyuarat Majlis dengan berturut-turut; atau
- (d) di atas apa-apa sebab yang difikirkan patut dan munasabah pada pandangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.<sup>105</sup>

Perlantikan mana-mana anggota Jemaah Ulama atau Setiausaha hendaklah tamat-

- (a) jika, dengan surat yang dialamatkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui Yang Dipertua melatakkkan jawatannya; atau
- (b) jika dia tidak berada di Malaysia tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua bagi tempoh melebihi tiga bulan; atau
- (c) jika dia disahkan tidak siuman.<sup>106</sup>

Anggota Jemaah Ulama hendaklah dianggap sebagai penjawat awam bagi maksud Kanun Keseksaan.<sup>107</sup>

### 3.3.3 Komposisi Anggota Jemaah Ulama

Berdasarkan pengetahuan umum penulis terhadap latar belakang anggota Jemaah Ulama pada hari ini, ianya terdiri daripada tokoh-tokoh ulama yang mendapat pendidikan agama daripada pelbagai tempat dan aliran. Ada yang mendapat pendidikan secara tradisional di Mekah, ada yang mendapat pendidikan di Mesir,

<sup>105</sup> *Ibid.*, Seksyen 13.

<sup>106</sup> *Ibid.*, Seksyen 15.

<sup>107</sup> *Ibid.* Seksyen 32.

India, Madinah dan sebagainya. Secara umumnya, mereka terbahagi kepada dua kelompok yang berbeza iaitu ulama tradisional dan tokoh akademik.

Apa yang dapat dimaksudkan dengan istilah ulama tradisional ialah ulama-ulama yang mendapat pendidikan secara tradisional di Mekah, atau di pondok-pondok di Kelantan, Pattani dan sebagainya. Mereka ini biasanya terlibat dalam bidang pengajaran secara tradisional dengan membuka pondok-pondok atau mengajar kitab-kitab di masjid-masjid secara *halaqāt*<sup>108</sup> atau di surau-surau dan madrasah. Secara umumnya, mereka lebih cenderung merujuk kitab-kitab ulama mazhab Syafi'i yang terdahulu atau terkemudian tanpa membuat penganalisan.<sup>109</sup>

Golongan ini memonopoli keanggotaan Jemaah Ulama pada peringkat awal penubuhan hinggalah ke suatu tempoh masa yang agak lama (hingga awal 80-an)<sup>110</sup>. Hal ini berlaku kerana perkembangan pengajian sistem pondok pada masa tersebut berada pada tahap kemuncak.<sup>111</sup> Sementara itu, ulama-ulama tradisional juga dilihat menguasai suasana pengajaran agama Islam pada masa itu sekaligus turut mempengaruhi pemikiran umat Islam di Kelantan pada waktu tersebut.<sup>112</sup>

---

<sup>108</sup> Pengajian kitab di masjid secara menadah dengan membuat separuh bulatan mengelilingi guru yang mengajar.

<sup>109</sup> Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan (1977), *op.cit.* h. 134.

<sup>110</sup> Ini berdasarkan kemasukan Dato' Hj. Muhammad bin Che Wook (tokoh akademik pertama menganggotai Jemaah Ulama ) ke dalam Jemaah Ulama ialah pada tahun 1982. Lihat senarai Jemaah Ulama tahun 1982 dalam Apendiks H.

<sup>111</sup> Zaman kemuncak pengajian sekolah-sekolah pondok berlansung dari tahun 1910 hingga akhir zaman pemerintahan Jepun pada tahun 1945. Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dalam Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (ed), *Warisan Kelantan iv*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 104.

<sup>112</sup> Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan (1983) " Islam dan Masyarakat Kota Bharu di antara tahun 1900-1940 ", dalam Prof. Khoo Kay Kim (ed), *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, h. 4-13.

Apabila pengajian pondok mula melalui zaman kemerosotan dan berkembang pula sistem pengajian secara formal melalui kemunculan sekolah-sekolah agama, ulama-ulama tradisional dilihat tidak lagi menguasai sepenuhnya pengajaran agama Islam. Tempat tersebut dipenuhi pula oleh tokoh-tokoh akademik yang lahir dari sistem pendidikan agama yang formal.<sup>113</sup> Penulis melihat situasi ini menjadi titik tolak yang membawa kepada keanggotaan tokoh akademik ke dalam Jemaah Ulama sekaligus memecah monopoli ulama tradisional.

Sementara istilah tokoh akademik pula bolehlah difahami sebagai golongan yang mendapat pendidikan agama secara formal di sekolah dan seterusnya di universiti samada di dalam mahupun di luar negara. Mereka ini pula biasanya menceburkan diri sebagai tenaga pengajar dalam sistem pendidikan formal di universiti dan di sekolah. Mereka pula secara umumnya lebih cenderung mengamalkan ijihad atau memahami sesuatu perkara sehingga ke akar umbi hukum iaitu al-Quran dan Hadith. Golongan ini mula muncul dalam keanggotaan Jemaah Ulama pada tahun 80-an.<sup>114</sup>

Kemasukan tokoh akademik ke dalam Jemaah Ulama dilihat bermula pada tahun 1982 apabila Dato' Mohamad Che Wook dipilih menjadi salah seorang anggota Jemaah Ulama.<sup>115</sup> Beliau juga merupakan tokoh akademik pertama yang dilantik menjadi mufti pada 1 Disember 1988.<sup>116</sup> Ini kemudiannya diikuti dengan Prof.

---

<sup>113</sup> Zaman kemerosotan pengajian sekolah-sekolah pondok bermula dari tahun 1945 hingga sekarang. Manakala pengajian agama sistem persekolahan pula berkembang dengan pesat selepas tahun 1945. Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), *op.cit.*, h. 107-115.

<sup>114</sup> Lihat senarai anggota Jemaah Ulama tahun 1982 di dalam Apendiks H.

<sup>115</sup> *Ibid.*

<sup>116</sup> Ismail Che Daud (1994), *op.cit.* h. 76.

Dato' Dr. Mahmood Zuhdi dan Tuan Hj. Daud bin Mohamad yang telah dipilih menjadi salah seorang anggota Jemaah Ulama pada tahun 1989.<sup>117</sup>

Situasi ini berterusan dari setahun ke setahun hingga ke akhir tahun 90-an apabila dilihat bilangan tokoh-tokoh akademik semakin ramai dan melebihi bilangan ulama tradisional.<sup>118</sup> Keadaan ini dilihat akan merancakkan lagi mesyuarat Jemaah Ulama sekaligus akan mempengaruhi fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Ini berdasarkan kepada beberapa fatwa yang dikeluarkan selepas daripada itu, tidak lagi bertaklid kepada mazhab Syafi'i tetapi berasaskan kepada konsep ijtihad bagi disesuaikan dengan situasi semasa.<sup>119</sup>

#### 3.3.4 Prosedur Pengeluaran Fatwa

Apabila terdapat persoalan daripada mana-mana pihak, ia bolehlah dikemukakan secara bertulis kepada Jemaah Ulama supaya dikeluarkan fatwa tentang persoalan tersebut. Apabila persoalan tersebut diterima, Setiausaha Jemaah Ulama diminta mengedarkannya kepada Pengerusi Jemaah Ulama dengan seberapa segera.<sup>120</sup>

Seterusnya, Jemaah Ulama diminta menimbangkan persoalan itu dan menyediakan satu draf fatwa baginya, kecuali pada fikirannya persoalan itu adalah tidak munasabah dan kerana sebab-sebab tertentu tidak patut diberi jawapan. Selepas draf fatwa itu dipersetujui, sama ada dengan sebulat suara atau

---

<sup>117</sup> Lihat senarai anggota Jemaah Ulama tahun 1989 di dalam Apendiks I.

<sup>118</sup> Lihat senarai anggota Jemaah Ulama tahun 1999 di dalam Apendiks J.

<sup>119</sup> Fatwa-fatwa tersebut akan dikemukakan di dalam bab keempat nanti.

<sup>120</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, bil. 4 Tahun 1994, Seksyen 36 (1).

dengan suara yang terbanyak, pengerusi bagi pihak dan dengan nama MAIK hendaklah mengeluarkan fatwa.<sup>121</sup>

Jika persoalan itu tidak dapat diberi fatwa mengikut cara-cara di atas, Jemaah Ulama hendaklah merujuk persoalan tersebut kepada MAIK yang akan mengeluarkan fatwa dengan berpandukan kepada pandangan dan pendapat Mufti. Persoalan ini juga dengan sebab-sebab khusus, bolehlah disembahkan oleh Majlis kepada Kebawah DYMM Al-Sultan untuk mendapatkan penentuan baginda.<sup>122</sup>

Jemaah Ulama dibenarkan, atas daya usahanya sendiri dan pada bila-bila masa membuat dan mengisytiharkan apa-apa fatwa bagi pihak dan atas nama MAIK.<sup>123</sup>

Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36 di atas, Jemaah Ulama kebiasaannya diminta mengikut *qawl* muktamad Mazhab Syafi'i.<sup>124</sup> Jika Jemaah Ulama berpendapat bahawa *qawl* yang muktamad dari Mazhab Syafi'i boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jemaah Ulama bolehlah dengan keizinan Kebawah DYMM Sultan mengikut *qawl* dari mana-mana Mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka *qawl Ahl Sunnah Wa al-Jamā'ah* hendaklah diikuti.<sup>125</sup>

---

<sup>121</sup> *Ibid.* Seksyen 36 (2).

<sup>122</sup> *Ibid.* Seksyen 36 (3).

<sup>123</sup> *Ibid.* Seksyen 36 (4).

<sup>124</sup> *Ibid.* Seksyen 37 (1).

<sup>125</sup> *Ibid.* Seksyen 37 (2).

Semasa mengeluarkan fatwa juga, Jemaah Ulama hendaklah mengambilkira mana-mana adat istiadat Melayu atau undang-undang adat istiadat Melayu yang masih diamalkan di Negeri ini dan tidak berlawanan dengan pengajaran Islam.<sup>126</sup>

Mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama, atau apa-apa keputusan mengenai masalah yang dibuat oleh Kebawah DYMM Sultan seperti yang dimaksudkan di bawah seksyen 36 (3), jika diperintahkan oleh Baginda, hendaklah diwartakan.<sup>127</sup> Dengan ini fatwa atau keputusan tersebut akan terkena kepada semua orang Islam yang tinggal di negeri Kelantan selain daripada orang-orang Islam yang bukan bangsa Melayu yang tertakluk kepada undang-undang tubuh selain daripada yang terdapat di dalam negeri Kelantan.<sup>128</sup>

Bagi menjaga kewibawaan institusi fatwa serta fatwa yang dikeluarkan, juga untuk mengelakkan fatwa daripada dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana kumpulan, MAIK telah mengeluarkan beberapa peraturan dalam enaknya. Antaranya peraturan yang melarang orang ramai daripada memberi sebarang fatwa dengan secara lisan atau bertulis mengenai ajaran Islam atau Agama Islam selain dari fatwa yang dikeluarkan oleh MAIK. Mana-mana individu yang melanggar larangan ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda (apabila disabitkan bersalah) tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya

---

<sup>126</sup> *Ibid.* Seksyen 38.

<sup>127</sup> *Ibid.* Seksyen 39.

<sup>128</sup> Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Tahun 1966, seksyen 14 (3).



dan Mahkamah hendaklah membuat perintah supaya fatwa bertulis itu dirampas dan dimusnahkan atau diuruskan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.<sup>129</sup>

Atas tujuan yang sama, MAIK juga mengeluarkan larangan daripada mencetak, menerbit, menjual, mempamerkan sama ada untuk dijual atau dipertunjukkan percuma dengan apa-apa cara, menyebarkan atau membahagi-bahagikan apa-apa buku, majalah, dokumen atau surat yang mengandungi ajaran, fatwa, atau penetapan yang bertentangan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan dalam Negeri ini oleh atau bagi pihak MAIK. Mana-mana individu atau kumpulan yang melanggar larangan ini adalah dikira bersalah atas suatu kesalahan dan boleh (apabila disabitkan bersalah) dikenakan denda tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.<sup>130</sup>

Hukuman yang sama dikenakan juga, apabila disabitkan kesalahan, terhadap sesiapa yang ada dalam kawalannya, simpanannya atau miliknya buku-buku, majalah-majalah, dokumen-dokumen, filem-filem atau surat-surat yang mengandungi ajaran, fatwa atau penetapan yang bertentangan dengan Hukum Syarak atau dengan mana-mana fatwa yang telah dikeluarkan di dalam Negeri ini oleh atau bagi pihak MAIK.<sup>131</sup>

---

<sup>129</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 4 Tahun 1994, seksyen 114.

<sup>130</sup> *Ibid.* seksyen 115..

<sup>131</sup> *Ibid.* seksyen 116.

Manakala seseorang yang di dapati menganuti, mengajar, memberi penerangan atau menyebarkan kepada orang lain apa-apa ajaran atau fahaman atau menjalankan apa-apa istiadat atau perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak atau fatwa yang dikeluarkan di bawah seksyen 36 tetapi perbuatan itu tidak terjumlah kepada *riddah*, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh juga dihukum sebat.<sup>132</sup>

MAIK seterusnya mengeluarkan satu lagi peraturan yang menyatakan bahawa sesiapa dengan cara lisan atau tulisan atau kelakuan yang nyata atau sebarang cara lain, mencerca atau menghina mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama tetapi perbuatan itu tidak terjumlah kepada *riddah*, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.<sup>133</sup>

Peraturan-peraturan ini menggambarkan wujudnya suatu usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak MAIK dalam melaksanakan tugasnya menjaga kewibawaan fatwa yang dikeluarkan Jemaah Ulama daripada dipandang rendah oleh pihak-pihak tertentu. Ianya sekaligus menaikkan imej dan kewibawaan anggota-anggota Jemaah Ulama itu sendiri di mata masyarakat, yang telah banyak mengeluarkan fatwa dalam menyelesaikan persolan yang dikemukakan oleh orang ramai.

---

<sup>132</sup> *Ibid*, seksyen, 119 (1).

<sup>133</sup> *Ibid*, seksyen 120.

### 3.3.5 Maksud *Qawl* Muktamad

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini bahawa fatwa Jemaah Ulama hendaklah berdasarkan kepada *qawl* muktamad di dalam mazhab Syafi'i. Yang menjadi persoalannya ialah apakah yang dimaksudkan dengan *qawl* muktamad oleh Jemaah Ulama. Di dalam mazhab Syafi'i terdapat beberapa pendapat yang telah dikeluarkan oleh *fuqahā'* mazhab Syafi'i bagi merujuk kepada maksud *qawl* muktamad.

Pendapat pertama mengatakan pendapat baru Imām al-Syāfi'ī (*qawl jadīd*) merupakan *qawl* yang muktamad dalam mazhab Syafi'i.<sup>134</sup> Sebagaimana diketahui, Imām al-Syāfi'ī mempunyai dua pendapat yang masyhur iaitu pendapat lama dan dan pendapat baru. Pendapat lama Imām al-Syāfi'ī merupakan pendapat beliau ketika berada di Iraq atau sebelum perpindahannya ke Mesir yang terkumpul di dalam kitab *al-Hujjah*. Manakala pendapat baru pula merupakan pendapat beliau ketika berada di Mesir yang terkumpul di dalam kitab *al-Umm*.<sup>135</sup>

Wujudnya dua pendapat yang berbeza ini kerana semasa Imām al-Syāfi'ī tinggal di Mesir dan bergaul dengan ulama-ulama yang tinggal di sana, beliau telah mendengar hadith-hadith serta pendapat-pendapat *fiqh* dari mereka. Begitu juga beliau telah melihat adat-adat dan keadaan-keadaan yang berbeza di antara apa

<sup>134</sup> BruNet Homepage, <http://www.brunet.bn/gov/mufti/alhadaf/april97/h-qaul.htm>, 20 Februari 2002.

<sup>135</sup> Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaḍīb al-Syarbīnī (1994), *al-Iqnā' fī ḥall al-fāz Abī Syujā'*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 22; Muḥammad Nūr al-Dīn Marbau Banjar al-Makkī (1998), *Ma'lūmāt Tahammak ḥawī Asbāb al-Ikhtilāf bayna al-Fuqahā'*, c. 2, Kaherah : Majlis Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī, h. 54.

yang beliau dapati semasa di Hijaz dan Iraq. Keadaan ini telah menyebabkan beliau mengubah pendekatan ijtihad beliau dalam beberapa perkara.<sup>136</sup>

Mengikut pendapat yang pertama, pendapat baru Imām al-Syāfi'ī dianggap sebagai *qawl* muktamad kerana mengikut *fuqahā'* al-Syāfi'īyyah, pendapat lama sudah tidak diterima dan tidak diamalkan lagi kecuali dalam beberapa perkara tertentu yang masih lagi diterima pendapat lama sebagai *qawl* muktamad. Sebahagian *fuqahā'* mengatakan terdapat sebanyak dua puluh pendapat lama yang masih diamalkan dan diterima sebagai *qawl* muktamad. Sementara yang lain pula mengatakan bilangan tersebut hanya tiga sahaja dan yang lain pula mengatakan bilangannya sebanyak empatbelas.<sup>137</sup>

Pendapat yang kedua pula mengatakan *qawl* muktamad ialah mana-mana pendapat yang dipersepakati oleh Imām al-Nawawī dan Imām al-Rāfi'ī. Ini bermakna mana-mana fatwa yang dikeluarkan ke atas sesuatu perkara yang berdasarkan kepada persepakatan Imām al-Nawawī dan Imām al-Rāfi'ī dianggap sebagai *qawl* muktamad dalam mazhab Syafi'i.<sup>138</sup> Untuk membolehkan persepakatan mereka berdua dikira sebagai *qawl* muktamad, *fuqahā'* Syafi'i

---

<sup>136</sup> Muḥammad 'Alī al-Sāyis (1986), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, T.T.P : Dār al-Ma'ārif, h. 104.

<sup>137</sup> BruNet Homepage, *op.cit.*, Jalāl al-Dīn al-Suyūfī menukilkan daripada Kitab al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab empat belas pendapat lama yang dianggap lebih *rajīh* daripada pendapat baru. Lihat Abī al-Fadl Jalāl al-Dīn 'Abd. al-Raḥmān al-Suyūfī (1996), *al-Asybah wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa furū' fiqh al-Syāfi'īyyah*, c.2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 661.

<sup>138</sup> BruNet Homepage, *ibid.*, al-Sayyid Abī Bakr al-Bakrī bin al-Sayyid Muḥammad Syatā al-Dimyāfi al-Miṣrī (t.t), *Ijāsīyah l'ānah al-Ṭalibīn*, j. 4, Singapura : Maktabah wa Maṭba'ah Sulaymān Mar'ī, h. 233.

mensyaratkan persepakatan tersebut bukannya apa yang dipersepakati oleh *fuqahā'* Syafi'i terkemudian<sup>139</sup> sebagai persepakatan yang terlupa atau tersalah.<sup>140</sup>

Pendapat yang ketiga pula mengatakan mana-mana perkara yang dijelaskan mengikut pendapat *al-madhhab*, ianya dikira telah dibuat berdasarkan *qawl* muktamad dalam mazhab Syafi'i. Sebagai contoh jika disebutkan " Dalam perkara ini, mengikut *al-madhhab* hukumnya adalah haram". *Al-madhhab* di sini merujuk kepada pendapat mazhab Syafi'i itu sendiri seperti pendapat-pendapat yang biasa ditemui di *ḥāsyiah* yang ditulis oleh *fuqahā'* terkemudian dalam mazhab Syafi'i seperti *Ḥāsyiah* Qalyūbī wa 'Umayrah, al-Bayjūrī dan lain-lainnya.<sup>141</sup>

Sementara satu lagi pendapat pula mengatakan *qawl* muktamad ialah apa yang diputuskan oleh Imām Ibn Ḥajar al-Haythamī. Ini berdasarkan kepada kenyataan Syaykh Sulaymān al-Kurdī di dalam kitabnya yang bernama "*al-Fawā'id al-Madaniyyah*" dan juga Syaykh Sa'īd al-Sambul. Berdasarkan kenyataan dua orang *fuqahā'* Syafi'i ini, sebahagian *fuqahā'* Syafi'i terkemudian berpendapat wajib mengikut kenyataan Imām Ibn Ḥajar al-Haythamī kerana ianya bersifat mutlak dan muktamad. Manakala pendapat-pendapat lain yang bercanggah dengan pendapat Imām Ibn Ḥajar al-Haythamī dianggap pendapat yang lemah dan berdosa untuk diamalkan oleh golongan *muqallid*.<sup>142</sup>

<sup>139</sup> *Fuqahā'* terkemudian dalam mazhab Syafi'i ialah golongan selepas al-Imām al-Nawawī dan al-Imām al-Rāfi'i. Lihat Muhammad Nūr al-Dīn Marbau Banjar al-Makkī (1998), *op.cit.*, 92.

<sup>140</sup> Al-Sayyid Abī Bakr al-Bakri bin al-Sayyid Muḥammad Syatā al-Dimyāfi al-Miṣrī (t.t), *op.cit.*

<sup>141</sup> BruNet Homepage, *op.cit.*

<sup>142</sup> Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hasan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu : Pakatan Tuan Tabal, h. 133.

Walaupun bagaimanapun, definisi-definisi di atas bukanlah definisi yang dipilih oleh Jemaah Ulama. Mereka mempunyai definisi *qawl* muktamad mereka yang tersendiri iaitu dengan memilih pendapat majoriti *fuqahā'* Syāfi'iyah sebagai *qawl* yang muktamad dalam mengeluarkan fatwa. Ini dinyatakan sendiri kepada penulis oleh Dato' Tuan Hj. Hasbullah bin Mat Hassan selaku Mufti Kerajaan Negeri Kelantan merangkap pengerusi Jemaah Ulama.<sup>143</sup>

Ini bererti mana-mana pendapat yang menjadi pendapat majoriti *fuqahā'* Syāfi'iyah, tanpa mengira sama ada ianya bersamaan atau tidak dengan pendapat baru Imām al-Syāfi'ī, persepakatan Imām al-Nawawī dan Imām al-Rāfi'ī, pendapat Imām Ibn Hajar dan *al-madhhab* merupakan *qawl* muktamad bagi Jemaah Ulama.

### 3.3.6 Perjalanan Mesyuarat Jemaah Ulama

Berdasarkan perancangan tahunan, Jemaah Ulama akan mengadakan mesyuarat mereka sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Walaupun bagaimanapun, hal ini sebenarnya bergantung kepada agenda-agenda yang hendak dibincangkan. Jemaah Ulama boleh mengadakan mesyuarat lebih daripada itu sekiranya terdapat banyak agenda yang hendak dibincangkan. Begitulah sebaliknya, Jemaah Ulama tidak akan mengadakan apa-apa mesyuarat sekiranya tidak ada agenda. Begitu juga Jemaah Ulama tidak menentukan hari yang khusus bagi menjalankan mesyuarat.<sup>144</sup>

<sup>143</sup> Temubual dengan Dato' Tuan Hj. Hasbullah bin Mat Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan di rumah beliau, pada 2 Mac 2002, jam 5.00 petang.

<sup>144</sup> Temubual dengan Ustaz Murtadha bin Hj. Abdullah, Setiausaha Jemaah Ulama, di Pejabat beliau pada 30 Januari 2002, jam 11.00 pagi.

Mesyuarat akan dijalankan apabila kehadiran anggota Jemaah Ulama sekurang-kurangnya mencukupi dua pertiga daripada jumlah anggota. Walaubagaimanapun, sekiranya kehadiran anggota tidak mencukupi dua pertiga, mesyuarat boleh juga dijalankan tetapi keputusannya tidak boleh dibuat. Setiap anggota akan diberi elaun RM 100.00 seorang bagi setiap kali mesyuarat diadakan kecuali pegawai-pegawai yang bertugas di Majlis Agama.<sup>145</sup>

Mesyuarat Jemaah Ulama hendaklah dipengerusikan oleh Mufti. Semasa ketiadaannya, Timbalan Mufti bolehlah menggantikannya. Sekiranya mereka berdua juga tiada, mana-mana ahli yang hadir bolehlah memilih dari kalangan mereka sebagai pengerusi mesyuarat.<sup>146</sup> Pengerusi dan dua pertiga daripada ahli-ahli Jemaah Ulama hendaklah menjadi korum untuk menjalankan mesyuarat.<sup>147</sup>

Pengerusi akan memulakan perbincangan dengan meminta setiap anggota Jemaah Ulama mengemukakan pendapat masing-masing terhadap persoalan yang dibincangkan. Sekiranya berlaku perbezaan pendapat di kalangan mereka, perbincangan diteruskan lagi dengan setiap anggota diminta mengemukakan alasan dan hujah bagi menyokong pendapat masing-masing.<sup>148</sup>

Seterusnya, apabila semua anggota selesai mengemukakan pendapat dan alasan masing-masing, pengerusi akan meminta setiap anggota melakukan undian bagi

---

<sup>145</sup> *Ibid.*

<sup>146</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 4 Tahun 1994, seksyen 34 (1).

<sup>147</sup> *Ibid.*, seksyen 34 (2).

<sup>148</sup> Temubual dengan Ustaz Murtadha bin Hj. Abdullah, Setiausaha Jemaah Ulama, di Pejabat beliau pada 30 Januari 2002, jam 11.00 pagi.

mencari keputusan terhadap perkara tersebut. Keputusan akan dibuat berdasarkan sebulat suara atau melalui suara majoriti. Seandainya undian tidak dapat menghasilkan sebulat suara atau suara majoriti, atau dengan kata lain terdapat dua pendapat yang berbeza yang sama bilangan bagi setiap pendapat, pengerusi dengan kuasa yang ada padanya akan memutuskan perkara tersebut. Sekiranya dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, keputusan mesyuarat tidak juga dapat dicapai, perkara tersebut akan ditangguhkan terlebih dahulu dan akan dibincangkan dalam mesyuarat yang akan datang yang akan ditentukan kemudiannya.<sup>149</sup> Dalam menjalankan mesyuarat ini, Jemaah Ulama dengan kelulusan Majlis boleh membuat prosedur dan amalannya sendiri.<sup>150</sup>

Dalam menjalankan mesyuarat ini juga, Jemaah Ulama telah mengambil pendekatan-pendekatan tertentu dalam menghadapi beberapa situasi semasa yang menimbulkan kerumitan kepada umat Islam. Salah satu pendekatan yang diambil ialah pendekatan ijtihad *tarjihī* sebagaimana yang dijelaskan di dalam bab yang kedua. Terdapat beberapa fatwa yang telah dikeluarkan berdasarkan pendekatan ini, yang akan dijelaskan di dalam bab yang akan datang.

---

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 4 tahun 1994, Seksyen 34 (3).